

23 FEB 2001

Mahathir-Kemajuan

KEMAJUAN NEGARA HASIL SUMBANGAN RAKYAT BIASA, KATA DR MAHATHIR

KUCHING, 23 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini kemajuan yang dicapai oleh Malaysia adalah hasil daripada sumbangan rakyat biasa negara ini.

Beliau berkata walaupun banyak orang memberi pujian kepada beliau atas kemajuan negara, sebenarnya rakyatlah yang telah membantu mengangkat ideanya yang sederhana itu menjadi sesuatu yang sofistikated dan kompleks.

"Umpamanya apabila saya mencadangkan supaya diadakan pertunjukan udara di Langkawi, yang dimaksudkan untuk pesawat kecil sahaja, kita memberi tugas itu kepada sebuah syarikat, tetapi mereka mempunyai idea yang hebat sehingga menjadikan pertunjukan itu satu daripada pameran udara yang utama di dunia," katanya,

Dr Mahathir berucap ketika merasmikan Loji Fabrikasi 1st Silicon di Kawasan Perdagangan Bebas Sama Jaya di sini pada hari pertama lawatan dua harinya ke Sarawak.

Loji fabrikasi bernilai US\$1.7 bilion (RM6.46 bilion) itu adalah yang pertama seumpamanya di negara ini.

Demikian juga, kata Dr Mahathir, apabila beliau mencadangkan supaya satu kejohanan lumba basikal di sekitar Langkawi, pihak penganjurnya telah mengembangkan acara Le Tour de Langkawi sebagai acara yang meliputi serata tempat di Semenanjung Malaysia, malah satu ketika di Sabah dan Sarawak juga.

"Kini ia menjadi satu acara utama dunia bagi sukan berbasikal," kata beliau merujuk kepada acara yang mencapai kejayaan cemerlang itu dan telah diadakan di Semenanjung Malaysia minggu lepas.

lagi contoh semangat "Malaysia Boleh" yang diamalkan di negara ini.

Loji dengan kelengkapan termoden yang terletak di kawasan seluas 39 hektar dalam satu-satunya taman teknologi tinggi di negeri ini, kini mempunyai tenaga kerja seramai 600 orang.

Ia akan meningkatkan tenaga kerjanya kepada 1,000 orang apabila kemampuannya mengeluarkan 0.18um mikron mikro-cip mencapai 30,000 wafer sebulan menjelang tahun depan.

Satu um (mikron) adalah satu per sejutu daripada satu meter dan bersamaan dengan 1/300 daripada ketebalan rambut manusia manakala wafer adalah cakera silikon seperti cermin yang di dalamnya terbina sirkit yang kompleks seperti cip mikroprosesor.

Dr Mahathir berkata industri berteknologi tinggi seperti itu biasanya hanya didapati di negara yang sangat maju, dan tidak dikaitkan dengan negara sedang membangun.

Beliau berkata era baru teknologi maklumat telah membolehkan seseroang melakukan pelbagai jenis perkara yang manakjubkan hanya dengan menekan satu butang kecil untuk mendapatkan maklumat dari serata dunia.

Perdana Menteri memuji kerajaan Sarawak yang telah mengorak langkah utama dalam lapangan itu melalui penerokaan bersamanya dengan Sharp Corporation of Japan sebagai rakan utamanya.

Terdahulu Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata Sarawak dijangka mengeluarkan jurutera dan juruteknik yang dilatih dalam negeri dalam tempoh lima tahun akan datang.

Mereka dijangka memenuhi 80 peratus daripada keperluan negeri ini terhadap tenaga terlatih untuk industri berteknologi tinggi yang sedang meningkat.

Beliau berkata ini adalah selaras dengan Pelan Induk K-Ekonomi Negeri

yang akan siap akhir tahun ini untuk memesatkan lagi pertumbuhan dalam industri itu.

Abdul Taib sukacita kerana banyak rakyat dari Sarawak ini pulang ke negeri ini untuk memegang jawatan dalam industri berteknologi tinggi walaupun dengan gaji yang lebih rendah.

Kerajaan negeri memberi keutamaan kepada pendidikan Teknologi Maklumat pada semua peringkat sebagai seagian daripada usahanya merapatkan jurang perbezaan antara kawasan bandar dan luar bandar, katanya.

-- BERNAMA

CJ/RDY DVS NMO